

21/03/1997

Siasat kemampuan syarikat Malaysia: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara yang ingin menerima cadangan projek pembangunan besar dari syarikat swasta Malaysia supaya memastikan kemampuan syarikat berkenaan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta negara terbabit menghubungi Kedutaan Malaysia di negara masing-masing atau negara berdekatan bagi memastikan niat sebenar dan kemampuan syarikat itu.

Langkah itu perlu kerana ada syarikat Malaysia yang hanya berminat mendapatkan projek besar untuk diberi kepada pihak lain dengan bayaran tertentu kerana mereka tidak berkemampuan melaksanakannya.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Perdana Menteri menjelaskan demikian kepada Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano dalam perbincangan dua hala di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Menurutnya, Dr Mahathir juga meminta Presiden Mozambique supaya merujuk kepada Kedutaan Malaysia di Harare, Zimbabwe atau terus ke Kuala Lumpur jika mereka menerima cadangan besar daripada syarikat Malaysia.

Katanya, Perdana Menteri menekankan perkara itu bagi mengelakkan usahawan tertentu mengambil kesempatan dengan mengemukakan pelbagai bentuk cadangan dan janji tetapi tidak berniat melaksanakannya kerana tidak berkemampuan.

"Kita perlu memastikan supaya projek itu dapat dilaksanakan dengan segera, menepati masa dan dengan baik serta menepati matlamat dan tujuan projek," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, Chissano yang tiba di sini bersama 21 ahli delegasi semalam untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, diberikan sambutan rasmi di Dataran Parlimen.

(END)